

14 NOV 1999

Mahathir-Pilihan raya

PILIHAN RAYA BUKAN PERTANDINGAN RATU CANTIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pilihan raya umum bukan pertandingan ratu cantik untuk menentukan siapa yang paling cantik dan paling popular.

Katanya pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan yang jujur, ikhlas dan berwibawa serta mempunyai idea-idea yang baik, yang dapat memajukan serta membangunkan negara ini.

"Hanya orang bodoh yang menganggap pilihan raya adalah untuk uji siapa lebih popular," kata Perdana Menteri ketika berucap memberi amanat kepada lebih 15,000 anggota pergerakan Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata pilihan raya umum adalah proses bagi membolehkan rakyat memilih kerajaan yang mengutamakan negara ini, bukan memilih sebuah kerajaan yang terdiri daripada orang yang selalu meminta pertolongan dari orang asing.

"Kita tak hendak kerajaan pilihan Al Gore (naib presiden Amerika Syarikat), tak hendak kerajaan pilihan kuasa asing, kita tak hendak kerajaan yang dimiliki oleh IMF, kita hendakkan kerajaan kita sendiri," katanya disambut dengan laungan bersemangat tanda setuju oleh para anggota Pemuda dan Wanita BN.

Perdana Menteri turut meminta rakyat menolak parti politik yang sanggup meminta bantuan dan bersekongkol dengan kuasa besar untuk mencapai impian memenangi pilihan raya ini.

BN sudah bersiap sedia menghadapi segala cabaran yang bakal ditempuhi dalam pilihan raya ini dan berharap dapat menghapuskan musuh-musuh negara.

-- BERNAMA

SFI RON